



UTMSPACE
ESTD 1993
(931427-K)

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK UTMSPACE



GARIS PANDUAN
PEMBANGUNAN PROGRAM
AKADEMIK UTMSPACE



Nama Garis Panduan	:	Garis Panduan Pembangunan Program Akademik UTMSPACE
Nombor Garis Panduan	:	UTMSPACE/GP/01
Diluluskan Oleh	:	JKA Khas UTMSPACE Bil. 1/2021
Tarikh Kuat Kuasa	:	20 Januari 2021 (Kemaskini 28 Oktober 2021)
Tarikh Semakan Terakhir	:	Semakan seterusnya adalah tiga (3) tahun daripada tarikh kuat kuasa.

Perkara 1	:	Pengenalan	3
Perkara 2	:	Keterangan Pelaksanaan Garis Panduan.....	6
Perkara 3	:	Tadbir Urus.....	20
Perkara 4	:	Dokumen Sokongan	20



PERKARA 1 : PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Garis panduan ini merangkumi penyediaan dokumen yang berkaitan pembangunan program akademik baharu yang diterbitkan bagi membantu pemilik program mendapatkan perakuan dan kelulusan UTMSPACE bagi pengendalian Program Akademik UTMSPACE.

Garis panduan ini diharapkan dapat membantu pemilik program menyediakan dan melengkapkan dokumen permohonan dan seterusnya melincinkan lagi proses berkaitan pembangunan program akademik.

1.2 SKOP

- 1.2.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua Pemilik Program Akademik UTMSPACE.
- 1.2.2 Garis panduan ini terpakai untuk semua pihak yang terlibat dalam pengurusan Program Akademik UTMSPACE.

1.3 DEFINISI

PERKATAAN / ISTILAH / SINGKATAN	DEFINISI
Hasil Pembelajaran	Standard yang hendak dicapai melalui pendidikan atau program latihan kemahiran atau kelayakan sebagaimana yang ditentukan oleh Standard Program.
Jawatankuasa Akademik (JKA)	Jawatankuasa yang ditubuhkan dan bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik.
Kursus	Unit pembelajaran dan pengajaran dalam suatu program yang juga boleh dikenali sebagai modul, mata pelajaran atau unit.

Lembaga Pengajian Akademik (LPA) UTMSPACE	Badan akademik tertinggi di UTMSPACE
Program Profesional	Gabungan kursus pembelajaran dan latihan laluan alternatif yang ditawarkan kepada umum dan profesional bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi bidang berkaitan. Pengajiannya adalah secara fleksibel berdasarkan perkuliahan dan latihan yang dijalankan.
Rakan Kerjasama	Institusi yang dilantik oleh UTMSPACE untuk mengendalikan program profesional.
Mod Penawaran Program	Mod penawaran program merujuk kepada kerja kursus, penyelidikan, mod campuran atau mod industri.
Pakar Rujuk	Ahli akademik, badan profesional atau pihak industri yang pakar dalam sesuatu bidang dan mampu memberi penilaian dan ulasan terhadap program akademik berkaitan.
CLO	<i>Course Learning Outcomes</i> / Hasil Pembelajaran Kursus merupakan aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang perlu dicapai oleh para pelajar di akhir kursus.
KI	Kemahiran Insaniah merujuk kepada penguasaan terhadap kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih memfokus kepada pembangunan kompetensi diri, personaliti dan kemanusiaan.
MoA	<i>Memorandum of Agreement</i> / Memorandum Perjanjian adalah dokumen perjanjian yang merakamkan syarat-syarat perjanjian, pembentukan syarikat, atau persefahaman suatu bentuk perjanjian bertulis antara dua pihak atau lebih untuk melaksanakan kerjasama yang melibatkan implikasi undang-undang.

MoU	<i>Memorandum of Understanding/</i> Memorandum Persefahaman merujuk kepada dokumen yang merakamkan syarat-syarat perjanjian, pembentukan syarikat, atau persefahaman suatu bentuk perjanjian bertulis antara dua pihak untuk melaksanakan sesuatu kerjasama yang tidak melibatkan implikasi undang-undang.
OBE	<i>Outcomes Based Education/</i> Pendidikan Berasaskan Hasil memberi fokus kepada pencapaian hasil pembelajaran.
PLO	<i>Programme Learning Outcomes/</i> Hasil Pembelajaran Program merupakan hasil pembelajaran program yang dinilai daripada beberapa domain yang khusus.
SLT	<i>Student Learning Time/</i> Jam Pembelajaran Pelajar merupakan masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

PERKARA 2: KETERANGAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN

2.1 PENDAHULUAN – PROGRAM AKADEMIK UTMSPACE

2.1.1 Konsep Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome Based Education, OBE)

Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) telah bermula sejak 500 tahun dahulu lagi dalam pembangunan zaman pertengahan Eropah. Pendekatan ini berasaskan kepada program yang menghasilkan pelajar yang dapat menerajui beberapa bidang penting pada masa tersebut dan seterusnya konsep ini berkembang dalam bidang pendidikan dari semasa ke semasa sehingga kini.

Menurut Spady (1994) pembelajaran terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu:

Jadual 1: Perbezaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pelajaran dan Hasil


PEMBELAJARAN BERASASKAN PELAJARAN	PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL (OBE)
1. Melahirkan pelajar yang pasif.	1. Melahirkan pelajar yang aktif.
2. Penilaian berasaskan kepada peperiksaan.	2. Penilaian berterusan.
3. Pembelajaran untuk pemahaman sendiri.	3. Pembelajaran yang memerlukan pemikiran yang kritikal, tindak balas dan pelaksanaan.
4. Pembelajaran mengikut isi pelajaran yang ditetapkan.	4. Pembelajaran melibatkan penggabungan pengetahuan dan pembelajaran yang relevan dengan situasi sebenar.
5. Pembelajaran berfokuskan buku, kertas kerja dan pengajaran guru.	5. Pembelajaran berpusatkan pelajar dan melibatkan fasilitator serta kumpulan.

6. Berdasarkan silibus yang ditetapkan.	6. Berdasarkan pemantauan fasilitator untuk menjadikan reka bentuk kandungan pelajaran lebih inovasi dan kreatif.
7. Tenaga Pengajar bertanggungjawab ke atas segala pembelajaran melalui motivasi personaliti mereka.	7. Pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran melalui motivasi terhadap tindak balas mereka.
8. Berdasarkan kepada matlamat yang ingin dicapai oleh tenaga pengajar.	8. Berdasarkan kepada apa yang boleh difahami dan dihasilkan oleh pelajar.
9. Tempat pembelajaran ditentukan pada masa yang tertentu.	9. Tempat pembelajaran yang fleksibel.
10. Berada pada suasana pembelajaran yang sama sehingga selesai sesi tersebut.	10. Suasana pembelajaran boleh berubah-ubah sehingga matlamat pembelajaran tercapai melalui penghasilan sesuatu.

OBE diijarkan kepada konsep Kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Act) dan mengalihkan fokus daripada input dan proses kepada penetapan Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcome, PLO). PLO ditetapkan berasaskan kriteria yang perlu dimiliki oleh pelajar sebaik sahaja bergraduan.

Penetapan PLO mesti mengambil kira visi dan misi institusi pengajian, atribut dan bidang pelajar institusi tersebut di samping pihak berkepentingan seperti pihak industri.

Selari dengan konsep OBE, penajajaran konstruktif perlu berlaku di peringkat program dan kursus yang boleh dijelaskan melalui pemetaan antara semua Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome, CLO) dalam kurikulum dengan PLO seperti dalam Rajah 1: Konsep OBE Secara Keseluruhan.




Rajah 1: Konsep OBE Secara Keseluruhan

Penentuan pernyataan CLO dan PLO bagi komponen Ilmu Pengetahuan terdapat tiga (3) domain yang boleh dirujuk, iaitu:



Rajah 2: Contoh Domain Pembelajaran Mengikut Aras (Anderson et al., 2001)

Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) merupakan masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang digunakan untuk mencapai CLO yang ditetapkan seperti yang dijelaskan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Komponen Jam Pembelajaran Pelajar

(931427-K)

Sistem kredit MQF yang menyatakan bahawa di Malaysia 40 jam pembelajaran dinilai sebagai 1 kredit digunakan bagi pengiraan kredit program ini. Pernyataan MQF ini yang membawa maksud 1 credit = 40 notional hours of student academic load boleh menjadi dasar perkiraan jam bergraduat program profesional.

Jadual 2: Panduan Anggaran Peruntukan Jam Pembelajaran Kendiri Berdasarkan Jam Pertemuan Bersemuka

AKTIVITI PEMBELAJARAN	JAM PERTEMUAN BERSEMUKA	JAM PEMBELAJARAN KENDIRI
Kuliah	1	1 - 2
Tutorial	1	1
Amali dan praktikum	3	3
Kerja studio	2	2
Pembelajaran berasaskan masalah (PBL)	2	4

Perbincangan kumpulan kecil	1 - 2	1
Pembentangan	1	3 - 4
Pentaksiran sumatif	3	3
Tugasan bertulis sebanyak 2,000 perkataan	-	10 - 12
Projek tahun akhir	240 - 400	
Latihan industri* 4 - 12 kredit	160 - 480	

*berdasarkan bilangan jam pembelajaran berkesan (effective learning) = 4 jam/hari dan 5 hari/minggu

2.1.2 Penjajaran Program Akademik UTMSPACE ke arah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) untuk mengisi laluan pembelajaran sepanjang hayat.

Program Akademik UTMSPACE diujarkan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dalam memastikan jaminan kualiti bagi membangun dan menawarkan program.

Jadual 3: Penjajaran Program Akademik UTMSPACE ke arah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)

MQF				UTMSPACE	
Tahap	Kredit Bergraduan Minimum (Mod Program)	Sektor Akademik	Sektor TVET	Kredit Bergraduan Minimum (Mod Program)	Program Akademik
8	Tiada kredit bergraduan (Penyelidikan)	Kedoktoran		Tiada kredit bergraduan (Penyelidikan)	Kedoktoran Profesional
	80 (Campuran dan Kerja Kursus)			30 (Campuran dan Kerja Kursus)	

7	Tiada kredit bergraduan (Penyelidikan)	Sarjana		Tiada kredit bergraduan (Penyelidikan)	Professional Postgraduate / Professional MBA		
	40 (Campuran dan Kerja Kursus)			30 (Campuran dan Kerja Kursus)			
	30	Diploma Pasca siswazah					
	20	Sijil Pasca siswazah					
6	120	Sarjana Muda		100	Advanced Professional Graduate		
	66*	Diploma Siswazah		36*			
		Sijil Siswazah					
5	40	Diploma Lanjutan	5	12	Sijil Profesional		
4	90	Diploma	4			60	Professional Graduate
3	60	Sijil	3				
2	30	Sijil	2				
1	15	Sijil	1				

2.1.3 Reka Bentuk Kurikulum

2.1.3.1 Kurikulum yang dibangunkan hendaklah merupakan kurikulum yang berdiri sendiri, organik dan boleh ubah iaitu:

Jadual 4: Ciri-ciri Struktur Kurikulum Program Akademik UTMSPACE

STRUKTUR KURIKULUM	TAFSIRAN
Kurikulum Konvensional / berdiri sendiri	Kurikulum yang khusus kepada golongan pekerja yang bertujuan untuk membangun dan meningkatkan kemahiran serta pengalaman pelajar untuk diaplikasikan dalam alam pekerjaan serta penyediaan pelajar bagi menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
Kurikulum Organik	Kurikulum yang direka bentuk dengan ciri-ciri yang membolehkannya berkembang dari semasa ke semasa dengan mengambil kira ilmu pengetahuan kontemporari.
Kurikulum Ubah Suai	Kurikulum yang boleh diubah mengikut perubahan yang berlaku dalam persekitaran pembelajaran dan selaras dengan keperluan industri yang pelbagai serta perkembangan di peringkat global.

2.1.3.2 Reka bentuk kurikulum digubal dengan komposisi kandungan yang terdiri daripada kursus-kursus teras dan elektif seperti berikut:

Jadual 5: Komponen Kurikulum Program Akademik UTMSPACE

KOMPONEN KURSUS	TAFSIRAN	KOMPOSISI (%)
Kursus Teras	Kursus teras disiplin yang wajib diikuti oleh pelajar.	50 – 90
Kursus Elektif	Kursus elektif wajib diikuti oleh setiap pelajar.	10 – 50

Untuk komposisi melebihi nilai di atas, perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Akademik UTMSPACE. Komponen kursus di atas terpakai bagi program yang tiada program standard.

2.1.4 Penamaan Program Akademik

2.1.4.1 Penamaan sesuatu kelayakan program akademik perlu tepat bagi memastikan penamaan yang diguna pakai tidak mengelirukan pihak pemegang taruh.

2.1.4.2 Jawatankuasa Akademik UTMSPACE bertanggungjawab dalam memastikan ketetapan penunjuk disiplin utama dan penunjuk bidang yang bersesuaian.

2.1.4.3 Penamaan program dibina berdasarkan dua (2) komponen iaitu:

i. **Tahap Kelayakan**

Merujuk kepada tahap program akademik bagi sesuatu kelayakan akademik.

ii. **Penunjuk Bidang**

Menyatakan bidang utama program tersebut.

Jadual 6: Susunan Komponen Penamaan Mengikut Tahap Program

PROGRAM	TAHAP KELAYAKAN	PENUNJUK BIDANG
Sijil	Sijil Profesional	Pengurusan Operasi
	<i>Professional Certificate</i>	<i>in Operation Management</i>
Diploma	<i>Professional Graduate</i>	Pengurusan
		<i>in Management</i>
Sarjana Muda	<i>Advanced Professional Graduate</i>	Pengurusan Rangkaian Bekalan
		<i>in Supply Chain Management</i>

Sarjana	<i>Professional Postgraduate/ Professional MBA</i>	Pengurusan Teknologi Industri
		<i>in Industrial Technology Management</i>
Kedoktoran	Doktor Profesional	Pentadbiran Perniagaan
	<i>Professional Doctor</i>	<i>in Business Administration</i>

2.1.5 Mod Penawaran Program Akademik

Program yang direka bentuk disarankan berdasarkan kepada empat (4) mod penawaran berikut:

Jadual 7: Jenis Mod Penawaran Program Akademik UTMSPACE

BIL.	MOD PENAWARAN	TAKRIFAN
1	Kerja Kursus	<ul style="list-style-type: none"> Pengajaran dan pembelajaran dilakukan melibatkan gabungan berikut: <ol style="list-style-type: none"> Tugasan (kerja kursus) dan/atau Praktikum dan/atau Penghasilan kertas projek yang dinilai untuk memberi gred kepada pencapaian pelajar. Kerja kursus boleh dalam bentuk penulisan, pembentangan, persembahan dan sebagainya.
2	Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> Menumpukan sepenuhnya kepada kerja penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis atau disertasi*
3	Campuran	<ul style="list-style-type: none"> Gabungan kerja kursus dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan kertas projek atau disertasi*. Nisbah kerja kursus kepada penyelidikan adalah 50:50, atau 40:60, atau 30:70.

4	Jaringan Industri	<ul style="list-style-type: none"> • Gabungan pembelajaran di kampus dan di luar kampus (aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja) sepanjang tempoh pengajian yang melibatkan kedua-dua pihak (industri dan pemilik program) dalam pembangunan dan penyampaian kurikulum. • Penawaran program boleh dilakukan dalam pelbagai kombinasi seperti 2u2i, 3u1i atau 1u3i (merujuk kepada tempoh pengajian)
---	-------------------	--

* disertasi = *pengolahan bertulis yang panjang dan terperinci tentang sesuatu perkara yang diserahkan untuk mendapatkan ijazah tinggi.*

2.1.6 Tempoh Dan Kaedah Pengajian

2.1.6.1 Penawaran program akademik adalah tertakluk kepada tempoh minimum/lazim bagi setiap tahap program pengajian seperti berikut:

Jadual 8: Tempoh Minimum Mengikut Tahap Pengajian

TAHAP	TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM
Sijil	1 Semester (4 bulan)
Professional Graduate	5 Semester (1 tahun 8 bulan)
Advanced Professional Graduate	8 Semester (2 tahun 8 bulan)
Professional Postgraduate/ Professional MBA	3 Semester (1 tahun)
Kedoktoran	3 Semester (1 tahun)

*1 semester bersamaan 4 bulan

2.1.7 Kaedah Penyampaian

Kaedah penyampaian program dibahagikan kepada dua (2) iaitu:

Jadual 9 : Takrif Kaedah Penyampaian

KAEDAH	TAKRIFAN
Konvensional	Pengajaran dan pembelajaran secara: <ul style="list-style-type: none">• Bersemuka• Pembelajaran Teradun (<i>Blended Learning</i>)
Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL)	Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian

2.1.8 Kerjasama Program Akademik

Terdapat pelbagai jalinan kerjasama antara UTMSPACE dan pihak berkepentingan iaitu:

- i. Penawaran program
- ii. Pengendalian program
- iii. Pengiktirafan program

Akauntabiliti bagi kerjasama ini dijelaskan dalam Lampiran 1.

2.2 PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

2.2.1 Pembangunan Program Akademik Baharu

2.2.1.1 Permohonan program akademik baharu melibatkan dua (2) peringkat penilaian iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Akademik UTMSPACE dan Mesyuarat Pejabat Pengarah Urusan UTMSPACE.

2.2.1.2 Pembangunan program akademik baharu perlu mengambil kira:

- i. Kerelevanan bidang program pengajian
- ii. Implikasi kewangan
- iii. Keperluan guna tenaga negara (keperluan industri)
- iv. Laluan kerjaya dan kebolehpasaran graduan
- v. Perkembangan terkini dasar/polisi negara

- vi. Standard yang ditetapkan oleh UTMSPACE
- vii. Penandaarasan (benchmarking) dengan pembekal pendidikan dalam dan luar negara
- viii. Maklum balas daripada pemegang taruh termasuk pandangan pakar akademik dalam bidang masing-masing dan panel penasihat dari industri.

2.2.1.3 Keseluruhan proses pembangunan program akademik baharu adalah seperti Lampiran 2.

2.2.2 Panduan Berkaitan Pembangunan Program Akademik Baharu

2.2.2.1 Kajian Pasaran

Analisis kajian pasaran diperlukan bagi permohonan akademik baharu dengan mengambil kira keperluan dan tahap keperluan guna tenaga negara daripada pelbagai sumber seperti berikut:

- i. Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Perangkaan Negara.
- ii. Agensi berkaitan ICT (contoh: MDEC, MIMOS & MATRADE)
- iii. Agensi Pangkalan Maklumat Kerjaya (contoh: Jobstreet Malaysia)
- iv. Institusi Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)
- v. Kajian Tinjauan Majikan
Komponen Kajian Pasaran
 - (a) Organisasi
 - Pemilik
 - Jenis Institusi
 - Tempoh operasi
 - Jumlah kakitangan
 - (b) Kandungan dan Kesesuaian Program
 - Keperluan industri
 - Kemahiran yang diperlukan
 - Tempoh pengajian (keseluruhan, latihan industri)
 - (c) Peluang Kerjaya
 - Penawaran jawatan
 - Bilangan jawatan

- Pendapatan
 - Pembangunan profesionalisme
- (d) Lain-lain
- Penajaan
 - Memorandum Persefahaman (MoU)
 - Memorandum Perjanjian (MoA)

Nota:

Bagi cadanan program baharu dalam Mod Industri (modul 2u2i, 3u1i, atau 1u3i) – permohonan akademik baharu MESTI memastikan pihak industri telah bersetuju untuk terlibat dalam melaksanakan program tersebut di premis industri dengan mengemukakan bukti persetujuan sekurang-kurangnya dalam bentuk Surat Hasrat (Letter of Intent, Lol) daripada industri semasa mengemukakan permohonan kelulusan program akademik baharu. MoA/MoU MESTI ditandatangani selepas diluluskan oleh JKA UTMSPACE dan diperakukan oleh Pengerusi Lembaga Pengajian Akademik UTMSPACE.

2.2.2.2 Penandaarasan Program

Merupakan kaedah untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan dan perihal amalan terbaik yang boleh digunakan atau disesuaikan untuk meningkatkan lagi kualiti program akademik.

Perbandingan dengan Institusi Pendidikan dalam dan luar negara terpilih dibuat berkaitan:

- i. Matlamat program
- ii. Struktur kurikulum dan kandungan
- iii. Kredit keseluruhan
- iv. Prestasi program
- v. Penamaan program

Perbandingan ini dapat menentukan daya saing program berkenaan dan penambahbaikan yang boleh dibuat untuk membantu program itu berkembang dan lebih lestari serta memenuhi kehendak pasaran dan pemegang taruh.

Keunikan program juga dapat dikenal pasti daripada penandaaras ini yang dapat dijadikan sebagai program pelopor yang mewujudkan peluang menembusi pasaran baharu dan menjadikannya terkehadapan dalam bidang berkenaan.


2.2.2.3 Penglibatan Pakar Bidang

Pakar bidang dapat membantu dalam memberi fokus berkaitan dengan bidang pengajian, antaranya:

- i. Hala tuju program
- ii. Kandungan yang dapat mencapai objektif pembelajaran program
- iii. Menjadi penimbang tara dalam perbezaan pandangan di peringkat pembangunan dan pengurusan program
- iv. Memberi kefahaman berkaitan perkembangan semasa terutamanya berkaitan dengan keperluan sebenar pasaran kerjaya.

Pakar bidang boleh terdiri daripada:

- i. Ahli akademik
- ii. Pihak industri
- iii. Badan profesional
- iv. Pakar teknikal



PERKARA 3: TADBIR URUS

3.1 PEMILIKAN DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

- 3.1.1 Pemilik Dokumen Polisi
Pejabat Pembelajaran Sepanjang Hayat
- 3.1.2 Pengurusan Dokumen Polisi
Pengurus Besar, BPKR
- 3.1.3 Tanggungjawab Pemilik Dokumen Polisi
 - 3.1.3.1 Memastikan pindaan dan mendapatkan perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik UTMSPACE.
 - 3.1.3.2 Memastikan dokumen yang berkaitan didokumentasikan dan dihebahkan kepada warga UTMSPACE.
 - 3.1.3.3 Memastikan semakan dokumen dibuat dari semasa ke semasa.

3.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No. Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1			-

PERKARA 4: DOKUMEN SOKONGAN

- 4.1 Lampiran A – Format Kertas Kerja Permohonan Program Akademik Baharu
- 4.2 Lampiran B – Format Muka Hadapan Kertas Kerja (untuk kelulusan saringan)
- 4.3 Lampiran C – Format Muka Hadapan Kertas Kerja (untuk kelulusan JKA)
- 4.4 Lampiran D – Format Muka Hadapan Kertas Kerja (untuk kelulusan LPA)
- 4.5 Lampiran E – Format Struktur Kurikulum
- 4.6 Lampiran F – Format Maklumat Kursus

Lampiran 1


Model Kerjasama Program Akademik UTMSPACE

BIL	MODEL KERJASAMA PROGRAM AKADEMIK	AKAUNTABILITI								
		Urusan Pengambilan Pelajar	Status Pelajar	Pembangunan Program	Pengendalian Program	Pengurusan Program Akademik	Penganugerahan Program	Tenaga Pengajar	Pengurusan Logistik	Pengiktirafan (profesional)
1	MODEL A	IRK	UTMSPACE	UTMSPACE	UTMSPACE	UTMSPACE	UTMSPACE	UTMSPACE	UTMSPACE	-
2	MODEL B	IRK	UTMSPACE	IRK	IRK dan UTMSPACE	IRK dan UTMSPACE	UTMSPACE	UTMSPACE	IRK dan/atau UTMSPACE	-
3	MODEL C	IRK	UTMSPACE	IRK dan/atau UTMSPACE	IRK dan UTMSPACE	IRK dan UTMSPACE	UTMSPACE	IRK dan/atau UTMSPACE	IRK dan/atau UTMSPACE	IRK

Nota :

1. IRK merujuk kepada Institusi Rakan Kerjasama
2. Akauntabiliti bagi Penganugerahan Program Akademik termasuk urusan peraturan keputusan pentaksiran program akademik)
3. Modul 2 dan 3, pihak IRK memberikan pengendalian eksklusif kepada UTMSPACE sebagai institusi penganugerahan program.

Lampiran 2



 utmSPACE.edu.my